



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 10 TAHUN 2014**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Semua Akauntan Negeri/ Bendahari Negeri

TATACARA PERAKAUNAN PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tatacara perakaunan pada akhir tahun kewangan.

2. LATAR BELAKANG

Surat Pekeliling ini dikeluarkan berasaskan kepada peraturan yang telah ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 56.

3. TAKRIFAN

- 3.1 **Tahun Semasa** adalah tahun kewangan semasa bagi tempoh dua belas bulan berakhir pada 31 Disember.
- 3.2 **Tahun Baharu** adalah tahun kewangan berikutnya setelah tahun semasa berakhir.
- 3.3 **Akaun Kena Bayar (AKB)** bermaksud perbelanjaan yang dipertanggung dan diperakaunkan dalam tahun kewangan semasa tetapi dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan dalam bulan Januari pada tahun kewangan berikutnya.

4. PEMBAYARAN DAN PERAKAUNAN AKB

- 4.1 Objektif AKB adalah untuk membolehkan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang diterima sehingga 31 Disember tahun semasa dipertanggung kepada peruntukan tahun kewangan berkenaan dan dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya.
- 4.2 Tiga (3) syarat yang mesti dipatuhi untuk mempertanggungkan perbelanjaan akaun tahun semasa adalah seperti berikut:-
 - 4.2.1 Bekalan, perkhidmatan dan kerja telah diterima atau disempurnakan pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa;
 - 4.2.2 Baki peruntukan dalam maksud perbelanjaan yang berkenaan adalah mencukupi; dan
 - 4.2.3 Pembayaran dibuat pada atau sebelum 31 Januari tahun baharu melalui AKB tertakluk kepada tarikh yang mana lebih awal ditetapkan oleh Perbendaharaan.
- 4.3 Bayaran yang tidak mematuhi syarat AKB perlu dibayar mengikut Arahan Perbendaharaan 58(a).
- 4.4 Baucar bayaran AKB yang tidak dapat dibayar dalam tempoh AKB mestilah dipulangkan kepada Kementerian/ Jabatan yang menyedia baucar bayaran itu untuk dibatalkan. Kementerian/ Jabatan yang berkenaan hendaklah kemudiannya menyediakan baucar bayaran baharu dan mengemukakan kepada Pejabat Perakaunan untuk dibayar daripada peruntukan tahun baharu selaras dengan Arahan Perbendaharaan 58(a).

- 4.5 Bayaran AKB yang dilakukan oleh semua Pejabat Perakaunan akan diperakaunkan seperti berikut:-

Akaun Tahun Semasa

DEBIT : Maksud Perbelanjaan Tahun Semasa
KREDIT : Akaun Kena Bayar

Akaun Tahun Baharu

DEBIT : Akaun Kena Bayar
KREDIT : Akaun Bank Tahun Baharu

5. PERAKAUNAN TERIMAAN

- 5.1 Semua terimaan yang diterima pada hari terakhir tahun semasa hendaklah dibank dan diakaunkan pada hari yang sama.
- 5.2 Semua terimaan dalam tangan yang telah diperaku (resit dikeluarkan) tetapi tidak dapat dibankkan dalam tahun semasa perlu dimasukkan ke dalam bank pada hari pertama bekerja tahun baru dan diiktiraf sebagai terimaan tahun semasa.
- 5.3 Semua terimaan tahun semasa dalam bank yang belum diakaun dalam buku tunai perlu diakaunkan oleh Pejabat Perakaunan sebagai terimaan tahun semasa.
- 5.4 Catatan perakaunan bagi Pejabat Perakaunan adalah seperti berikut:-

Akaun Tahun Semasa

DEBIT : Terimaan Dalam Tangan Belum Dibankkan atau
Terimaan Dalam Bank Tiada Dalam Buku Tunai
(Wang Tunai Dalam Perjalanan)
KREDIT : Hasil / Amanah atau Maksud Perbelanjaan Tahun
Semasa

Akaun Tahun Baharu

DEBIT : Akaun Bank Tahun Baharu
KREDIT : Terimaan Dalam Tangan Belum Dibankkan atau
Terimaan Dalam Bank Tiada Dalam Buku Tunai (Wang
Tunai Dalam Perjalanan)

- 5.5 Kod perakaunan tahun semasa hendaklah digunakan untuk mengakaun terimaan ke akaun hasil/ amanah/ perbelanjaan kredit.

6. PERAKAUNAN PANJAR

- 6.1 Rekupan terakhir bagi semua perbelanjaan yang dilakukan dalam tahun semasa hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan mengikut tarikh yang ditetapkan dalam tempoh AKB.
- 6.2 Rekupan panjar wang runcit hendaklah dibuat melalui baucar bayaran dan hanya boleh dipertanggungkan kepada Maksud Perbelanjaan, manakala bagi rekupan panjar lain dalam negeri boleh dipertanggungkan kepada Maksud Perbelanjaan / Akaun Amanah.

Akaun Tahun Semasa

DEBIT : Maksud Perbelanjaan Tahun Semasa /
Akaun Amanah
KREDIT : Akaun Panjar

Akaun Tahun Baharu

DEBIT : Akaun Panjar
KREDIT : Akaun Bank Tahun Baharu

- 6.3 Perakaunan bagi panjar tiga perdua belas (3/12) adalah seperti berikut:

- 6.3.1 Baucar jurnal terakhir hendaklah disediakan bagi mengakaunkan semua perbelanjaan dan terimaan yang belum diakaunkan dalam tahun semasa walaupun tiada rekupan dibuat, iaitu apabila baki akaun panjar melebihi amaun apungan diluluskan.

DEBIT : Maksud Perbelanjaan Tahun Semasa / Akaun
Amanah
KREDIT : Akaun Panjar / Akaun Hasil /Akaun Amanah

- 6.3.2 Baucar jurnal hendaklah disediakan untuk mendapatkan semula jumlah dana yang direkup dalam tahun baharu.

DEBIT : Akaun Panjar
KREDIT : Akaun Bank Tahun Baharu

7. PENGURUSAN WARAN

- 7.1 Waran Am bagi peruntukan tambahan/ pindah peruntukan hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat JANM dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan kod perakaunan tahun semasa.
- 7.2 Waran Kecil bagi peruntukan tambahan/ pindah peruntukan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan kod perakaunan tahun semasa.

8. PENUTUPAN AKAUN

8.1 Penutupan Buku Tunai

Semua Buku Tunai di Pejabat Perakaunan dan Pemegang Panjar hendaklah ditutup setelah semua transaksi dikemaskini pada hari bekerja terakhir tahun semasa.

8.2 Penutupan AKB

Baki AKB tahun semasa akan dibawa ke tahun baharu secara automatik di dalam Sistem GFMAS.

9. PENGECUALIAN KEPADA AKB

Semua bayaran dan terimaan yang dikenakan kepada Akaun Amanah hendaklah diperakaunkan dalam tahun kewangan urus niaga tersebut dilakukan dan tidak tertakluk kepada AKB.

10. TARIKH BERKUAT KUASA

- 10.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.
- 10.2 Surat Pekeliling ini adalah terpakai sehingga surat pekeliling baharu dikeluarkan.

11. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling ini, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 1987 adalah dibatalkan.

12. PENUTUP

Kementerian/Jabatan dan Ketua Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi. Sebarang pertanyaan berkenaan Surat Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN

Akauntan Negara Malaysia

4 Disember 2014

s.k :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara